



# UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari  
@umt.edu.my

**PEJABAT BENDAHARI**  
BURSAR OFFICE

**Rujukan kami** : **UMT/BEND/100-4/8JLD.5(15)**  
**Tarikh** : **10 Mei 2023**  
**Bersamaan** : **19 Syawal 1444H**

## **Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

### **PEKELILING BENDAHARI BIL. 12 TAHUN 2023**

#### **KADAR BAYARAN ELAUN PENGADIL DALAM KALANGAN PELAJAR UNTUK KEJOHANAN SUKAN PERINGKAT DALAMAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar bayaran elaun pengadil dalam kalangan pelajar untuk kejohanan sukan peringkat dalaman UMT.

#### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Justifikasi pemberian elaun pengadil dalam kalangan pelajar untuk kejohanan sukan peringkat dalaman universiti adalah untuk memberi suntikan semangat dan galakan kepada pelajar bagi mengaplikasi kemahiran kepengadilan setelah mengikut kursus berkaitan.

- 2.2 Penetapan kadar ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Kali Ke-66 Bil. 2 Tahun 2023 pada 13 April 2023; dan
  - b. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-61 Bil. 2 Tahun 2023 pada 16 April 2023.

### 3. KADAR BAYARAN ELAUN PENGADIL DALAM KALANGAN PELAJAR UNTUK KEJOHANAN SUKAN PERINGKAT DALAMAN UMT

- 3.1 Kadar bayaran elaun pengadil dalam kalangan pelajar untuk kejohanan sukan peringkat dalaman UMT adalah seperti Jadual 1 berikut:

<b>Peringkat Kejohanan</b>	Kejohanan peringkat dalaman universiti
<b>Kadar Bayaran (RM)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. RM100.00/seorang/sehari Maksima RM 150.00 (ketua pengadil/pengadil lesen A/tahap 1) (Lain-lain sukan)</li> <li>b. RM150.00/seorang/sehari (Bola Sepak/Ragbi)</li> </ol>
<b>Lantikan Pengadil</b>	Lantikan HEPA/PSR mengikut kepakaran dan kelayakan asas (mempunyai Sijil Asas Kependidikan)

*Jadual 1: Kadar bayaran elaun pengadil dalam kalangan pelajar untuk kejohanan sukan peringkat dalaman UMT*

- 3.2 Bagi kejohanan peringkat kebangsaan dan negeri, kadar adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan Persatuan Sukan Negeri dan Kebangsaan iaitu antara RM150 sehingga RM400 seorang/sehari.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 01 Jun 2023.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**AZIZAH BINTI HASAN**

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail